



KENYATAAN MEDIA MENTERI KANAN PERTAHANAN

9 JUN 2021

MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) & PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

PKPD 2 lokaliti di Kudat, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di dua (2) lokaliti di Kudat, Sabah iaitu:

- Kampung Singgahmata, Pulau Banggi
- Kampung Sin San

KKM telah merekodkan lapan (8) positif COVID-19 di Kampung Singgahmata, Pulau Banggi selepas lapan (8) penduduk disaring manakala di Kampung Sin San, 22 ujian saringan dilakukan dan sembilan (9) dilaporkan positif.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua lokaliti seperti dinyatakan berkuat kuasa 11 Jun sehingga 24 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes bagi tujuan pengasingan serta melaksanakan saringan bagi kontak rapat.

PKPD di FELDA Inas, Kulai, Johor

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi kes COVID-19 di FELDA Inas, Kulai, Johor.

KKM mengesahkan terdapat peningkatan ketara kes di lokaliti ini apabila sebanyak 43 kes positif direkodkan hasil daripada 410 orang yang disaring dengan kadar positifiti 10.5%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di FELDA Inas, Kulai, Johor bermula 11 sehingga 24 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM membuat pengesanan awal kes-kes COVID-19 supaya dapat diasingkan secepat mungkin dan seterusnya mengekang penularan jangkitan COVID-19 ke komuniti lain.

PKPD FELDA Tembangau 1 dan FELDA Tembangau 3, Bera, Pahang

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di FELDA Tembangau 1 dan FELDA Tembangau 3, Bera, Pahang.

Sehingga 9 Jun 2021, KKM mendapati berlaku peningkatan mendadak apabila sebanyak lapan (8) kes direkodkan di FELDA Tembangau 1 hasil saringan ke atas 49 penduduk di lokaliti itu. Manakala di FELDA Tembangau 3, seramai 121 individu disaring dan 28 daripadanya disahkan positif COVID-19.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di FELDA Tembangau 1 dan FELDA Tembangau 3, Bera, Pahang berkuat kuasa 11 Jun sehingga 24 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM menyekat pergerakan keluar masuk orang ramai agar tiada penularan jangkitan dari luar ke FELDA Tembangau 1 dan FELDA Tembangau 3 serta sebaliknya.

PKPD Perumahan Kilang, Ladang Ong Yah Hoo, Kinabatangan, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi COVID-19 di Perumahan Kilang, Ladang Ong Yah Ho, Kinabatangan, Sabah.

Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 151 ujian saringan dan daripada jumlah itu 28 orang didapati positif COVID-19.

KKM turut mengesahkan berlaku peningkatan kes secara mendadak di lokaliti ini dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Perumahan Kilang, Ladang Ong Yah Ho, Kinabatangan, Sabah bermula dari 11 Jun sehingga 24 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk mengawal pergerakan penghuni di lokaliti ini seterusnya mengekang penularan jangkitan COVID-19 ke komuniti lain.

PKPD di Kampung Sinar Budi Baru, Kuching, Sarawak

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini turut melaporkan situasi COVID-19 di Kampung Sinar Budi Baru, Kuching, Sarawak.

KKM mengesahkan berlaku peningkatan kes secara mendadak di lokaliti ini dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi apabila sebanyak 18 kes positif telah direkodkan hasil daripada 38 ujian saringan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Sinar Budi Baru, Kuching, Sarawak bermula dari 11 Jun sehingga 24 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD akan memudahkan tindakan kawalan COVID-19 dijalankan dengan cepat dan berkesan, seterusnya menghalang penularan lanjut dalam kawasan terlibat serta juga penularan keluar dari kawasan tersebut.

PKPD Felda Jengka 7, Maran, Pahang

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi COVID-19 di Felda Jengka 7, Maran, Pahang.

Sehingga kini, KKM mengesahkan 18 kes positif telah dikesan di lokaliti ini.

KKM turut mengesahkan berlaku peningkatan kes secara mendadak di lokaliti ini dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Felda Jengka 7, Maran, Pahang bermula dari 11 Jun sehingga 24 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk mengawal pergerakan penghuni di lokaliti ini seterusnya mengekang penularan jangkitan COVID-19 ke komuniti lain.

PKPD Dua (2) lokaliti di Tumpat, Kelantan

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi kes COVID-19 di dua (2) lokaliti di Tumpat, Kelantan melibatkan:

- Kampung Kutan Tengah
- Kampung Ketil

KKM mengesahkan terdapat peningkatan ketara kes di lokaliti ini apabila sebanyak 75 kes positif direkodkan hasil daripada 130 ujian saringan di Kampung Kutan Tengah dan 47 kes positif dari 171 ujian saringan di Kampung Ketil.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di kedua-dua lokaliti ini bermula 11 Jun sehingga 24 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM membuat pengesanan awal kes-kes COVID-19 supaya dapat diasingkan secepat mungkin dan seterusnya mengekang penularan jangkitan COVID-19 ke komuniti lain.

Pelanjutan PKPD FELDA Tersang 1,2 & 3, Raub, Pahang

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di FELDA Tersang 1,2 & 3, Raub, Pahang yang dijadualkan tamat pada 10 Jun 2021.

Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 525 ujian saringan dan 19 daripadanya dilaporkan positif COVID-19.

Namun, KKM mendapati masih terdapat penularan kes dalam kalangan penduduk, selain kes baru direkodkan dan pada masa sama, terdapat 217 lagi ujian saringan sedang menunggu keputusan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melanjutkan PKPD di FELDA Tersang 1,2 & 3, Raub, Pahang bermula 11 Jun sehingga 24 Jun 2021.

Penamatan PKPD Pangsapuri Permai dan Pangsapuri Sri Penara (Blok C dan D), WP Kuala Lumpur

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Pangsapuri Permai dan Pangsapuri Sri Penara (Blok C dan D), WP Kuala Lumpur yang dijadualkan tamat pada 10 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, seramai 607 penghuni Pangsapuri Permai telah disaring dan 50 daripadanya disahkan positif COVID-19 manakala di Pangsapuri Sri Penara, 56 kes direkodkan hasil daripada 804 ujian saringan yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Pangsapuri Permai dan Pangsapuri Sri Penara (Blok C dan D), WP Kuala Lumpur pada 10 Jun 2021, seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Kampung Pirasan Ulu, Kota Belud, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Pirasan Ulu, Kota Belud, Sabah yang dijadualkan tamat pada 10 Jun 2021.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 425 ujian saringan dan 34 kes positif COVID-19 dikesan di lokaliti tersebut.

Pada masa sama, KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Pirasan Ulu, Kota Belud, Sabah pada 10 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Taman Sawit Balung, Tawau, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Sawit Balung, Tawau, Sabah yang dijadualkan tamat pada 10 Jun 2021.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 496 ujian saringan dan 38 daripadanya dilaporkan positif COVID-19.

Pada masa sama, KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Taman Sawit Balung, Tawau, Sabah pada 10 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD 2 mukim di Temerloh, Pahang

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua mukim dalam daerah Temerloh, Pahang yang dijadualkan tamat pada 10 Jun 2021.

Kedua-dua mukim tersebut ialah:

- Mukim Perak
- Mukim Bangau

Di Mukim Perak, KKM telah merekodkan 66 kes positif COVID-19 selepas melakukan 1,005 ujian saringan manakala di Mukim Bangau, 653 telah disaring dan 17 kes positif direkodkan.

KKM juga mendapati berlaku penurunan kes di kedua-dua lokaliti dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di dua mukim seperti dinyatakan pada 10 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Taman Dato' Tengku Paris, Raub, Pahang

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Dato' Tengku Paris, Raub, Pahang yang dijadualkan tamat pada 10 Jun 2021.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 42 ujian saringan dan 13 daripadanya dilaporkan positif COVID-19.

Pada masa sama, KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Taman Dato' Tengku Paris, Raub, Pahang pada 10 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Pekan Kemayan, Bera, Pahang

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Pekan Kemayan, Bera, Pahang yang dijadualkan tamat pada 11 Jun 2021.

Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 1,751 ujian saringan dan 22 daripadanya dilaporkan positif COVID-19.

KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Pekan Kemayan, Bera, Pahang pada 10 Jun 2021 lebih awal daripada yang dijadualkan.

Task Force Operasi Pematuhan

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 92,202 pemeriksaan semalam.

Ia melibatkan 4,145 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 22,804 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 885 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 852 individu dikompaun dan 33 direman.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (178)
- Tiada penjarakan fizikal (145)
- Tidak memakai pelitup muka (144)
- Tidak mematuhi arahan kawalan pergerakan (101)
- Membawa penumpang berlebihan (73)
- Tidak patuh arahan kawalan pergerakan (79)
- Lain-lain (165)

Operasi Sanitasi Awam

Semalam, sebanyak 86 operasi sanitasi meliputi 45 zon merah dan zon kuning (4) telah dilaksanakan di seluruh negara.

Operasi sanitasi ini melibatkan 500 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 186 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 77 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 26,914 operasi sanitasi merangkumi 156 zon dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.

Kuarantin Wajib

Semalam, seramai 455 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 222,831 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 74 hotel dan 11 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 9,104 individu telah dikuarantin dan 211,161 orang dibenarkan pulang manakala 2,566 lagi dibawa ke hospital.

Barang Keperluan Asas

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 867 pemantauan harian ke atas 10 jenis bekalan barangan terdiri daripada peruncit (680), pemborong (157) dan pengilang (30).

KPDNHEP juga telah melakukan 2,498 Pemeriksaan Khas Pematuhan SOP dan daripada jumlah itu, 2,467 premis mematuhi SOP yang ditetapkan manakala 31 premis dikompaun kerana tidak patuh SOP.

Saringan Wajib Pekerja Warga Asing

Semalam, seramai 143 warga asing telah menjalani ujian saringan dan 10 kes positif COVID-19 dilaporkan.

Secara kumulatifnya, Kementerian Sumber Manusia (KSM) memaklumkan seramai 698,634 pekerja warga asing telah menjalani ujian saringan COVID-19 yang melibatkan 36,194 majikan.

Daripada jumlah itu, seramai 10,349 orang telah disahkan positif COVID-19. Sehingga kini, sebanyak 1,544 buah klinik telah terlibat dengan program saringan ini.

Seperti yang telah diumumkan, ujian saringan COVID-19 adalah diwajibkan kepada semua pekerja warga asing mulai 1 Februari 2021.

Amalkan “Lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri.

Terima kasih.

**YB DATO' SERI ISMAIL SABRI YAAKOB
MENTERI KANAN PERTAHANAN**